

21 MAY 2003

Pakej-Reaksi (Teksi)

PAKEJ EKONOMI: PENGURANGAN CUKAI JALAN TEKSI BANTU PEMANDU

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Langkah kerajaan mengurangkan cukai jalan teksi sebanyak 50 peratus bagi enam bulan bagi membantu pemandu teksi berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) disambut baik oleh golongan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Pengusaha dan Pemandu Teksi/Kereta Sewa Lembah Klang Datuk Aslah Abdullah berkata persatuan juga berharap kerajaan akan memberikan pinjaman mudah kepada pemandu teksi untuk memasang `NGV kit' pada teksi bagi menggalakkan penggunaan gas yang menjimatkan.

"Kita sebenarnya harap kerajaan dapat beri `soft-loan' menerusi institusi-institusi kewangan untuk memasang `kit' gas asli untuk kenderaan (NGV) yang berharga kira-kira RM2,800 pada teksi.

"Penggunaan gas petroleum cecair (LPG) yang berharga 56 sen seliter lebih menjimatkan berbanding petrol berharga RM1.35 seliter. Ini lebih membantu pemandu teksi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Pengurangan cukai jalan bagi teksi itu termasuk dalam pengumuman pakej strategi baru untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi negara yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Aslah berkata pengurangan cukai jalan sebanyak 50 peratus itu sedikit sebanyak dapat membantu pendapatan pemandu teksi yang terjejas akibat wabak SARS.

Menurutnya pemilik teksi membayar RM89 cukai jalan bagi tempoh setahun.

Dengan pengurangan sebanyak 50 peratus itu, pemilik teksi hanya perlu membayar kira-kira RM45 setahun atau RM23 bagi tempoh enam bulan.

Pengerusi Persatuan Pengusaha dan Pemandu Teksi/Kereta Sewa Shah Alam Mahadi Reseh pula berkata pengurangan cukai jalan itu wajar memandangkan pendapatan pemandu teksi terjejas teruk akibat SARS.

Bagaimanapun katanya, pengurangan cukai berkenaan mungkin tidak dapat membantu pemandu yang menyewa teksi secara harian daripada syarikat dan konsortium kerana mereka masih perlu membayar sewa mengikut jumlah yang ditetapkan.

"Mungkin syarikat dan konsortium boleh membantu pemandu dengan mengurangkan sewa harian memandangkan pendapatan yang semakin berkurangan sehingga RM70 hingga RM80 sehari berbanding RM100 sehari sebelum ini. Jumlah itu semakin berkurangan setelah ditolak dengan bayaran sewa harian dan minyak kereta," katanya.

-- BERNAMA

SHI AZZ MOZ